

PEMBELAJARAN DEWASA SEBAGAI SUATU JIHAD INTELEKTUAL

Zulkifli Khair, Rosman Md. Yusoff dan Mohd Azhar Abd Hamid

Fakulti Pengurusan,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru, Johor

Abstract

The purpose of this paper is to discuss the adult learning from an Islamic perspective, in the context of jihad. Intellectual jihad as a branch of jihad is one of the unique characteristics of adult learning from an Islamic perspective. Even though the writing is generally conceptual, it was offset by the content analysis study of the adult learning process of Imam Syafii by his short biography by Dr. Tariq Suwaidan. Based on the literature, the authors propose three main aspects in the formation of the concept of intellectual jihad; sacrifice in intellectualism and scholarship, for the sake of Allah and to establish the religion of Allah. The concept of 'intellectual jihad' is found in the form of 'adult learning' through the great intellectual, Imam Syafii.

Keywords: Adult learning, intellectual jihad, higher learning, Imam Syafii.

Abstrak

Tujuan tulisan ini adalah untuk membicarakan pembelajaran dewasa dari perspektif Islam, dalam konteks jihad. Jihad intelektual sebagai cabang jihad adalah salah satu ciri unik pembelajaran dewasa dari perspektif Islam. Sungguhpun penulisan ini umumnya bersifat konseptual, ia diimbangi dengan kajian analisis kandungan terhadap proses pembelajaran dewasa Imam Syafii berdasarkan biografi ringkas beliau oleh Dr Tariq Suwaidan. Berdasarkan literatur, penulis mengemukakan tiga aspek utama dalam pembentukan konsep jihad intelektual; pengorbanan dalam intelektualisme dan keilmuan, kerana Allah dan untuk menegakkan agama Allah. Konsep 'jihad intelektual' ini didapati wujud dalam proses 'pembelajaran dewasa' intelektual agung, Imam Syafii.

Kata kunci: Pembelajaran dewasa, jihad intelektual, pengajian tinggi, Imam Syafii.

1.0 Pengenalan

Perbahasan mengenai pembelajaran dan keilmuan telah wujud dengan banyak dalam literatur sama ada dalam kalangan bukan Islam seperti Rosenthal (1992), apatah pula dalam kalangan sarjana Muslim. Perbahasan khusus mengenai pembelajaran dewasa dari perspektif Islam didapati wujud di bawah subtopik 'Pembelajaran Dewasa dari Perspektif Islam' yang ditulis oleh Mazanah dan Mazalan dalam Merriam *et al.* (2005) yang kemudiannya diterbit semula dengan sedikit pengubahsuaian dalam Merriam *et al.* (2007). Di persada literatur moden, literatur tentang pembelajaran dewasa dari perspektif Islam ini begitu kurang.

Sehubungan itu, wujud salah faham apabila Islam dikatakan tidak dianggap menyokong kajian-kajian saintifik dalam konteks pembelajaran dan juga pembelajaran dewasa. Demikian dakwaan Merriam (2007) sewaktu menyorot pembelajaran dewasa dari perspektif bukan Barat termasuk Islam. Bagi penulis, kekurangan penulisan yang bersifat empirikal tentang pembelajaran dewasa dari perspektif Islam tidak boleh dijadikan hujah bahawa Islam bersifat seperti yang didakwakan itu. Islam malah memberikan saranan kepada penganutnya agar melakukan kajian secara saintifik dan mahukan penganut menjadi seorang saintis (Al-Faruqi dan al-Faruqi, 1986). Malah pada peringkat awal, buku-buku teks di Universiti Oxford dan Cambridge termasuk dalam bidang sains dan teknologi merupakan buku-buku terjemahan daripada bahasa Arab dari dunia Islam (Salah, 2004).

Sungguhpun terdapat perbincangan pembelajaran dewasa dalam konteks jihad sebagaimana termaktub dalam Merriam *et al.* (2005) dan Merriam *et al.* (2007) tersebut, ia tidak dibincangkan secara mendalam melainkan sekadar dalam dua perenggan. Selain itu, perbahasan tentang jihad intelektual dan yang setara dengannya seperti dalam Al-Qardhawi (2010), Muhammad Hanif dan Mohamed (2007), Sardar dan Davies (2004) Al-Faruqi (1982), Rohizan *et al.* (2011), Syuhadak (2013), Ramli (2006) dan Hilmy (2001) tidak pula dalam konteks disiplin pembelajaran dewasa. Justeru, artikel ini mahu cuba menggabungkan antara pembelajaran dewasa dengan jihad, dan konteks jihad yang relevan di sini disebut sebagai jihad intelektual.

Akhirnya, fokus topik tulisan ini diharapkan terletak kepada analisis kandungan terhadap biografi Imam Syafii selaku model dan tokoh ilmuwan unggul daripada khazanah peradaban Islam. Sorotan biografi beliau akan cuba dipadankan dalam konteks pembelajaran dewasa di institusi pengajian tinggi moden agar tradisi pembelajaran beliau tidak dianggap begitu jauh dan tidak praktikal untuk diaplikasikan dalam kerangka masa kini.

2.0 Pembelajaran Dewasa

Pembelajaran dewasa merupakan suatu sub-disiplin dalam disiplin pendidikan yang mula popular sekitar tahun 1970-an dan 1980-an (Henschke, 2008). American Society for Training and Development selaku penerbit kepada tulisan Knowles (1995) menggelarkan Prof. Dr. Malcolm Sheperd Knowles sebagai ‘Bapa Pembelajaran Dewasa’ yang didapati pada tahun 1950 sahaja, beliau telah menghasilkan 17 buah buku dan 230 artikel berkenaan pembelajaran dewasa. Perbincangan serius tentang proses orang dewasa belajar bagaimanapun dikatakan bermula di Amerika Syarikat sejak tahun 1920-an lagi (Ellinger, 2004).

Apabila disebut pembelajaran dewasa, makna ‘dewasa’ dapat dilihat dari pelbagai sudut. Smith (1999) misalnya menyatakan bahawa dewasa boleh dilihat dari dimensi biologi, perundangan, psikologi (memiliki konsep sendiri sebagai dewasa), tingkah laku dan peranan. Usia dewasa dalam konteks perundangan di Malaysia adalah 18 tahun mengikut kalendar Gregory (Jabatan Peguam Negara, 2006), namun usia dewasa dalam Islam dirujuk kepada ‘akil baligh’ yang sudahpun mencapai tahap untuk bertanggungjawab melaksanakan segala perintah Allah (Awang Sudjai, 1977; Abdullah, 1988).

Jarvis (1995) tidak menganggap sumbangan Knowles sebagai suatu teori sebaliknya sebagai suatu gagasan falsafah dan konseptual tentang pembelajaran dewasa, malah Knowles dikatakan tidak mengemukakan bukti-bukti yang kukuh terhadap gagasannya itu. Namun, Merriam, Caffarella dan Baumgartner (2007) mengiktiraf set prinsip dan andaian Knowles dalam pembelajaran dewasa sebagai suatu penjelasan ilmiah yang terbaik. Menurut Merriam, Caffarella dan Baumgartner (2007) dan Taylor dan Kroth (2009), Knowles telah mengemukakan enam andaian penting andragogi sebagaimana berikut:

- i. Orang dewasa lebih bersifat sendiri dan mahukan lebih banyak pilihan untuk pelajar.
- ii. Orang dewasa mempunyai pelbagai pengalaman yang boleh dijadikan sebagai sumber yang penting dalam pembelajaran. Namun ada pengalaman yang dapat menghalang kepada pembelajaran baharu.
- iii. Orang dewasa lebih bersedia untuk belajar terhadap sesuatu masalah yang ditanganinya juga terhadap sesuatu yang relevan dengannya.
- iv. Pembelajaran lebih berpusatkan kepada diri sendiri sebagai pelajar seperti yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah.

- v. Orang dewasa lebih termotivasi untuk belajar. Motivasi dalaman (intrinsik) didapati lebih kuat berbanding motivasi luaran (ekstrinsik).
- vi. Orang dewasa perlu tahu mengapa mereka perlu belajar atau dengan kata lain apakah tujuan mereka belajar.

Andragogi (seni dan sains dalam membantu orang dewasa untuk belajar) telah digunakan secara meluas dalam pelbagai aplikasi seperti dalam perniagaan, kerajaan, kolej dan universiti, pendidikan agama, pendidikan pemulihan dan pendidikan berterusan bagi profesion tertentu (Knowles *et. al*, 1984), pengendalian latihan (Knowles, 1995), dan pembelajaran menerusi internet (Isenberg, 2007). Tujuan pembelajaran dewasa dari perspektif Barat moden adalah terhad kepada pembangunan diri, kerjaya, sosial dan ekonomi, tanpa dikaitkan dengan tujuan keagamaan apatah pula kerana Allah SWT.

Sebaliknya tujuan pembelajaran dewasa dalam Islam adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah (Merriam *et al.*, 2005). Ini selari dengan tujuan pembelajaran untuk memupuk kebaikan dalam diri atau dengan kata lain untuk membentuk peribadi yang beradab (al-Attas, 1980) dan tujuan tingkahlaku dalam seluruh kehidupan yang perlu dikaitkan dengan agama sebagaimana setiap perbuatan dan pekerjaan hendaklah berupa suatu ibadah kepada Allah (Al-Qardhawi, 1988). Tujuan kerana Allah merupakan perbezaan paling penting antara pembelajaran dewasa dari perspektif Islam dengan pembelajaran dewasa dari perspektif Barat moden.

Akhirnya, pembelajaran termasuk pembelajaran dewasa merupakan suatu bentuk jihad dijelaskan oleh Nabi Muhammad saw sebagaimana direkodkan oleh Imam Tirmizi bahawa seseorang yang belajar atau menuntut ilmu berada dalam keadaan berjihad di jalan Allah.

3.0 Jihad Intelektual

Rumusan jihad oleh Wahbah al-Zuhaili terhadap beberapa pandangan ulama termasuk imam mazhab yang empat oleh Hafiz Firdaus (2003: 23-24) adalah, “Mencurahkan segala tenaga dan keupayaan di dalam memerangi orang-orang kafir dan menahan serangan mereka dengan jiwa, harta dan lisan.” Namun, Hafiz Firdaus (2003) turut menerima makna jihad yang digandingkan dengan tujuan tertentu sebagaimana dijelaskan dalam Al-Quran dan sunnah seperti jihad hawa nafsu dan jihad menegakkan agama.

Ini selari dengan pandangan Al-Qardhawi (2010: 4) yang mengatakan bahawa jihad tidak sekadar merujuk kepada berperang di jalan Allah, bahkan mempunyai makna yang lebih umum, “mencakup mujahid yang berjihad terhadap hawa nafsu, terhadap syaitan, amar makruf nahi munkar, mengatakan perkataan yang benar di hadapan penguasa zalim, dan lainnya.” Menurut beliau lagi, konsep ‘jihad’ serupa dengan ‘mujahadah’ dalam konteks melawan musuh; musuh yang nyata dan musuh yang tidak nyata (syaitan dan hawa nafsu).

Jihad adalah berbentuk tindakan, berbeza dengan ijtihad yang berbentuk epistemologi (Wan Mohd Nor, 1994). Bermakna, orang yang berjihad bukanlah orang yang berpeluk tubuh tanpa sebarang tindakan. Bagaimanapun, ‘jihad’ bukan sekadar ‘perjuangan’, bahkan merupakan ‘perjuangan kerana Allah’, manakala objektif jihad pula adalah untuk melunturkan segala sistem bukan Islam lalu digantikan dengan Islam. Demikian menurut Al-Maududi (1970). Pandangan ini selari dengan Rohizan *et al.* (2011) yang merujuk ‘jihad’ sebagai kepada segala bentuk perjuangan menegakkan agama Islam. Jihad yang diiktifar oleh Islam adalah jihad di jalan Allah sebagaimana disebut di ayat 69 surah al-Ankabut dalam al-Quran.

Jihad intelektual merupakan cabang jihad (Al-Qardhawi, 2010; Muhammad Hanif dan Mohamed, 2007; Sardar dan Davies, 2004; Al-Faruqi, 1982). Al-Faruqi (1982) barangkali yang pertama merintis istilah ‘jihad intelektual’ ini. Penulis mendapati bahawa konsep ‘jihad intelektual’ serupa dengan konsep ‘jihad ilmu’ (Rohizan *et al.*, 2011; Syuhadak, 2013), ‘jihad *ta’lim*’ (Ramli, 2006) serta ‘jihad *ta’limi* dan *ma’rifat*’ (Hilmy, 2001), kecuali ‘jihad intelektual’ Fazlur (1982) yang merujuk kepada konsep ‘ijtihad’. Umumnya, jihad intelektual dapat dimaknakan sebagai perjuangan menegakkan Islam menerusi wahana intelektualisme atau keilmuan.

Muhammad Hanif dan Mohamed (2007) tidak menafikan bahawa jihad intelektual, jihad ekonomi dan lain-lain sebagai cabang jihad, namun menegaskan bahawa agar tidak sampai menafikan jihad ketenteraan yang wujud dalam Islam. Peringatan ini penting dalam memahami konsep jihad yang memiliki horizonnya yang cukup luas, manakala taraf jihad tertinggi adalah jihad ketenteraan. Oleh sebab itu, sekitar dua pertiga karya jihad komprehensif tentang jihad oleh Al-Qardhawi (2010) adalah berkenaan jihad ketenteraan atau jihad melawan musuh secara nyata.

Menurut Al-Qardhawi (2010), jihad intelektual adalah untuk melawan kemurtadan intelektual yang perlu dibuat menerusi media dan juga menerusi pusat keilmuan. Gagasan beliau dalam membentuk disiplin ilmu dari perspektif Islam kelihatan selari dengan gagasan Islamisasi

ilmu (Al-Attas, 1978; Al-Faruqi, 1982; Mohd. Nasir, 2005; Wan Mohd. Nor, 2005; Hilmy, 2001). Menurut Al-Faruqi (1982), Islamisasi ilmu menghendaki agar setiap disiplin ilmu termasuk kemanusiaan, sains sosial dan sains tabie perlu didasarkan kepada prinsip dan metodologi Islam. Ini membabitkan proses pembelajaran berterusan, penyelidikan dan juga pengajaran.

Sebagai rumusan, jihad membabitkan tindakan atau bersifat dinamik. Oleh itu, jihad intelektual membabitkan tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh seseorang intelektual iaitu membabitkan tindakan untuk meningkatkan intelektualisme dan seterusnya berperanan sebagai intelektual. Kedua-dua perkara ini tentunya dilakukan dengan susah payah dan terdedah dengan pelbagai cabaran sebagaimana makna asal jihad sebagaimana yang dibahaskan oleh Al-Qardhawi (2010) bahawa makna asal ‘jihad’ dari segi bahasa adalah ‘menanggung kesulitan’. Berikut adalah kerangka jihad intelektual yang kelak digunakan dalam menganalisis biografi Imam Syafii:

- i. Pengorbanan dalam bidang intelektualisme dan keilmuan.
- ii. Ikhlas kerana Allah.
- iii. Bertujuan menegakkan agama Allah.

Sebagai rumusan, kami menakrifkan jihad intelektual sebagai, “Pengorbanan dalam bidang intelektualisme dan keilmuan bersama niat kerana Allah dan tujuan menegakkan agama Allah.”

4.0 Pembelajaran Imam Syafii dalam Konteks Jihad Intelektual


Buku setebal 307 halaman oleh Dr Tariq Suwaidan dan diterjemahkan oleh Iman Firdaus merupakan biografi ringkas Imam Syafii. Ia merupakan sebahagian daripada biografi tokoh ilmuwan Islam termasuk empat imam mazhab. Secara ringkas, Imam Syafii merupakan Arab berketurunan Quraisy yang dilahirkan di Gaza, Palestin dari keluarga yang miskin pada tahun 150 H (767 M). Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Idris bin Abdullah Imam Syafii. Nasabnya bertemu dengan nasab Nabi Muhammad saw di Abdi Manaf (Tariq, 2007).

Beliau pada awalnya terkenal sebagai pakar bahasa, lantaran karya beliau termuat ayat-ayat yang indah lagi puitis. Kemudian, menjadi pakar pula dalam bidang fikah, malah menjadi perintis kepada pembinaan ‘formula’ fikah (*usul al-fiqh*). Imam Syafii juga menguasai bidang perubatan dan nutrisi di samping ilmu nasab sebagai cabang ilmu bukan agama atau ilmu fardu kifayah (Tariq, 2007). Sebagaimana direkodkan oleh Muhammad bin Abdullah bin Abdul

Hakam, Imam Syafii pernah berkata, “ilmu fikah untuk agama, ilmu kedokteran untuk tubuh, selain keduanya hanyalah khazanah pemikiran.” (Tariq, 2007: 67).

Berdasarkan kepada buku ini, analisis kandungan dibuat berdasarkan kepada kerangka konsep jihad intelektual sebagaimana yang dibicarakan sebelumnya, dibantu oleh perisian NVivo Versi 10. Dalam kajian ini, noktah permulaan pembelajaran dewasa Imam Syafii dianggap bermula sewaktu beliau diiktiraf untuk mengeluarkan fatwa oleh Mufti Mekah, Muslim bin Khalid al-Zanji (Majid, 1987). Menurut Majid (1987), tidak banyak maklumat yang diketahui tentang riwayat awal Imam Syafii. Namun, dengan berdasarkan tulisan Ibn Abi Hatim Al-Razi, Abu Nu’aim, Al-Baihaqi dan Ibn Abdul Barr, Imam Syafii dikatakan hafaz al-Quran sewaktu berusia tujuh tahun, hafaz kitab *al-Muwatta’* karangan Imam Malik dan layak mengeluarkan fatwa sewaktu berusia 15 tahun. Menurut Majid (1987) lagi, Imam Syafii kemudiannya berhijrah ke Madinah untuk berguru dengan Imam Malik sewaktu berusia 20 tahun.

Seterusnya, noktah akhir pembelajaran dewasa Imam Syafii adalah sewaktu pengakhiran hayat beliau. Ini merujuk kepada konsep pembelajaran berterusan sepanjang hayat dalam Islam sebagaimana perintah ‘Bacalah’ dalam Al-Quran (Al-‘Alaq, 96: 1) tidak mempunyai kerangka masa pengakhiran. Malah walaupun Imam Syafii sudahpun mencapai tahap mujtahid dan ilmuwan tersohor, beliau didapati berterusan belajar dalam konteks meningkatkan lagi tahap intelektualisme beliau. Selain itu, pembelajaran dewasa boleh berlaku sama ada secara formal, bukan formal dan tidak formal. Dapatan analisis kandungan digambarkan dalam Rajah 1 berikut.



Rajah 1: Pembelajaran Imam Syafii dalam konteks jihad intelektual

Tema niat kerana Allah dapat dikenalpasti berdasarkan ulasan pihak lain iaitu Rabi' bin Sulaiman yang mengatakan, “Keikhlasan Syafii dalam ilmu dan amal membuatnya dapat meraih segala macam ilmu di zamannya.” (Tariq, 2007: 93). Imam Syafii juga disebut sebagai memiliki jiwa yang jernih bagi memungkinkan untuk mencapai kebenaran (Tariq, 2007: 80), manakala sifat ikhlas itu hanya wujud di jiwa yang jernih. Keadaan jiwa yang jernih daripada sebarang motif peribadi adalah syarat penting dalam jihad yang bermatlamatkan kerana Allah (Al-Maududi, 1970). Nabi Muhammad saw dengan tegas menolak perjuangan yang bertujuan untuk menyerlahkan keberanian dan kemegahan, sebaliknya menerima perjuangan di jalan Allah (maksud hadis yang direkodkan oleh al-Bukhari dan Muslim).

Musafir ilmu dianggap sebagai suatu bentuk jihad dalam pembelajaran. Imam Syafii Bermula ke Mekah. Kemudian ke Madinah, kembali ke Mekah, Baghdad, dan berakhir di Mesir. Selain itu, Imam Syafii juga didapati terkenal dengan tidur yang sedikit dan makan yang kurang di samping cuba memastikan peribadi dalam takwa dan akhlak yang mulia sebagai syarat bagi setiap ilmuwan (Tariq, 2007). Untuk itu, Imam Syafii pernah berkata, “Allah akan menimpakan petaka kepadanya (ilmuwan tanpa takwa dan akhlak yang mulia)... seperti orang-orang yang menyembah berhala.” (Tariq, 2007: 112). Jihad melawan nafsu juga didapati penting dalam konteks jihad intelektual dan ini wujud dalam kehidupan Imam Syafii apabila beliau berusaha meninggalkan maksiat sebagaimana kata beliau seperti berikut (Tariq, 2007: 113):

“Aku mengadukan perihal lemahnya hafazanku kepada Waki’ (guru Imam Syafii). Beliau membimbingku agar aku meninggalkan maksiat. Kata beliau, ‘Ketahuilah bahawa ilmu itu anugerah dan anugerah Allah tidak diberikan kepada seorang pemaksiat.’ Beliau juga berkata, ‘Ketahuilah bahawa ilmu itu cahaya dan cahaya Allah tidak diberikan kepada seorang pemaksiat.’”

Kalau meninggalkan maksiat itu berupa akhlak mulia kepada Allah, merendah diri pula adalah bentuk akhlak mulia kepada manusia. Imam Syafii terkenal sebagai ilmuwan yang merendah diri dengan ilmu yang ada pada dirinya. Menurut beliau, sekiranya wujud pendapat atau ijtihad beliau yang bertentangan dengan kata-kata Nabi Muhammad maka kata-kata Nabi yang dianggap benar sebagaimana kata Imam Syafii, “Itulah yang akan menjadi pendapatku.” (Tariq, 2007: 128). Sifat merendah diri kepada guru juga wujud dalam diri beliau, ini selari dengan penegasan Sheikh Nuruddin al-Banjari agar menjaga adab dengan guru (Syuhadak, 2013).

Menjadi mangsa fitnah adalah antara cabaran paling getir dialami oleh Imam Syafii. Beliau difitnah berkomplot dengan golongan ‘Alawi untuk melakukan pemberontakan terhadap Kerajaan Abbasiyah. Imam Syafii dirantai besi lalu dibawa ke Iraq. Beliau selamat daripada dijatuhkan hukuman bunuh, sebaliknya dibebaskan malah diberi pula hadiah oleh pihak khalifah. Bagaimanapun, semuanya ini mempunyai hikmah buat Imam Syafii dalam mendalami fekah Hanafi dan seterusnya memulakan aliran mazhab beliau sewaktu berada di bumi Iraq (Tariq, 2007).

Penulisan adalah suatu usaha penting dalam konteks menegakkan agama Allah. Dalam usaha mengoptimumkan manfaat penulisan beliau, Imam Syafii telah berusaha menulis dengan bahasa yang mudah difahami oleh orang awam. Selain menulis, beliau juga sibuk mengajar malah sering menjadi rujukan sehingga mendapat jolokan ‘ensaiklopedia berjalan’. Untuk itu, beliau berusaha menjadi pakar dalam bidang ilmu tertentu disebabkan lautan ilmu yang sangat dalam. Beliau dianggap pakar dalam pelbagai bidang termasuk fekah, kedoktoran, dan kesusasteraan (Tariq, 2007).

Jihad dan mujahadah kurang tidur oleh Imam Syafii sebagaimana disebutkan sebelum ini telah memberikan kelebihan buat Imam Syafii untuk menulis dan seterusnya menghasilkan sejumlah karya agung. Beliau terkenal dengan pembahagian tiga bahagian malam; sepertiga untuk menulis, sepertiga untuk solat dan sepertiga lagi untuk tidur. Imam Syafii telah hasilkan sekurang-kurangnya 113 buah buku dalam bidang fekah, tafsir, sastera dan lain-lain (Tariq, 2007). Dua karya terpenting Imam Syafii ialah *Ar-Risalah* dan *Kitab al-Umm* (Majid, 1987). Sifat mujahadah terkandung dalam nasihat Imam Syafii dalam konteks pembelajaran seperti berikut (Tariq, 2007: 111):

- i. Kecerdasan,
- ii. bercita-cita tinggi,
- iii. sabar,
- iv. ada pembiayaan,
- v. bimbingan guru, dan
- vi. tempoh yang panjang.

Kitab *Ar-Risalah* merupakan kitab terpenting Imam Syafii dalam bidang fekah, dengan nama asal, *Kitab ar-Risalah fi Usul al-Fiqh*. Terdapat dua edisi, awal dan baharu. Edisi awal dihasilkan di Mekah (*Ar-Risalah al-Qadimah*) manakala edisi baharu dihasilkan di Mesir (*Ar-Risalah al-Jadidah*) (Tariq, 2007). Majid (1987) bagaimanapun berpandangan bahawa *Ar-Risalah* pada awalnya ditulis di Iraq. Sekiranya mahu dipadankan dengan pengajian di institusi pengajian tinggi moden, *Ar-Risalah* edisi awal barangkali sepadan dengan disertasi atau tesis PhD beliau dalam bidang fekah, manakala *Ar-Risalah* edisi baharu barangkali boleh dianggap sebagai hasil karya pasca ijazah kedoktoran beliau dalam bidang fekah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Tahap pencapaian pembelajaran Imam Syafii dalam konteks pengajian di institusi pengajian tinggi moden (dalam bidang fekah)

Tahap pengajian	Syarat/hasil pengajian
Ijazah kedoktoran atau Ph.D.	<i>Ar-Risalah</i> Edisi Awal
Pasca ijazah kedoktoran (<i>Post Doc</i>)	<i>Ar-Risalah</i> Edisi Baharu

Keaslian *Ar-Risalah* tidak dapat disangkal, yakni syarat dalam Ph.D. sebagaimana menurut Phillips dan Pugh (2005) dan Mohamed Najib (2004). Pertama, dari segi gagasan Usul Fiqh yang berupa teorem dan formula fekah sebagai suatu sub-disiplin baharu dalam bidang fekah. Kedua, ini seterusnya membawa kepada kewujudan aliran fekah beliau sendiri yang berbeda dengan aliran fekah Hanafi dan Maliki sebelumnya. Perlu dimaklumi bahawa *Ar-Risalah* bagaimanapun bukan dihasilkan untuk tujuan pengijazahan, namun diminta oleh ulama Iraq, Ibn Mahdi (Tariq, 2007; Majid, 1987). Menurut Tariq (2007), antara metodologi penulisan *Ar-Risalah* adalah dalam memartabatkan Al-Quran sebagai sumber teragung. Sunnah tidak dapat menghapuskan hukum dalam Al-Quran, lantaran sifat sunnah adalah sebagai penjelas kepada Al-Quran.

5.0 Rumusan

Pembelajaran dewasa sudahpun wujud dalam Islam secara ‘semulajadi’ merujuk kepada perintah pelbagai galakan berdasarkan Al-Quran dan sunnah, malah dapat dibuktikan berdasarkan pencapaian gemilang umat Islam dalam bidang keilmuan, yang semuanya itu takkan dapat dicapai melainkan dengan pembelajaran dewasa yang berlaku secara serius dalam kalangan umat Islam beserta semangat jihad intelektual yang tinggi. Jihad intelektual dapat difahami sebagai jihad dalam bidang intelektualisme dan keilmuan, kerana Allah dan demi menegakkan Islam. Jihad intelektual membabitkan pengorbanan dan kepayahan sebagaimana makna asal jihad itu sendiri.

Konsep jihad intelektual pula didapati teguh wujud dalam kehidupan tokoh ilmuwan agung, Imam Syafii, dan kelihatan didokong utuh oleh jihad melawan hawa nafsu. Penulis sedikitpun tidak berniat untuk merendahkan gagasan agung usul fiqh yang disifatkan setaraf Ph.D. namun bertujuan untuk membuat perbandingan mudah dengan keadaan sistem pengajian kini. Sebab kedua adalah untuk memaparkan sikap untuk terus belajar, meningkatkan kepakaran dan mengemaskinkan gagasan besar sehingga terhasilnya mahakarya *Ar-Risalah al-Jadidah* yang menjadi rujukan zaman berzaman hingga ke hari ini biarpun sudah menjangkau usia lebih 1,300 tahun.

Imam Syafii telah memberikan teladan agung dalam konteks jihad intelektual bahawa jihad perlu dilaksanakan dalam mendapatkan ilmu. Jihad juga diperlukan dalam meningkatkan kepakaran diri dalam sesuatu bidang ilmu, dan jihad juga diperlukan dalam mengamalkan ilmu yang ada di samping dan mempertahankan kebenaran berdasarkan kepada ilmu yang dimiliki. Jihad juga diperlukan dalam usaha penghasilan karya untuk dimanfaatkan kepada orang awam dan jihad juga diperlukan untuk perkongsian dan wacana ilmu atau untuk diajarkan kepada orang lain. Gagasan Islamisasi wajar disambut dan dilaksanakan dalam konteks jihad intelektual. Teori dan model dari perspektif Islam perlu dikemukakan dan dimantapkan dengan kajian bersifat empirikal.

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan (1988). *Pendidikan Anak-anak dalam Islam (Jilid 1)* (Pent. Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Faruqi, I. R. (1982). *Islamization of Knowledge*. Herndon: IIIT.
- Al-Faruqi, I. R. & al-Faruqi, L. L. (1986). *The Cultural Atlas of Islam*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Al-Maududi, S.A.A. (1970). *Jihad in Islam* (Pent. Abdul Waheed Khan). Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Al-Qardhawi, Y. (1988). *Ibadah dalam Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan FS.

- Al-Qardhawi, Y. (2010). *Fiqih Jihad* (Penterjemah: Irfan Maulana Hakim dan lain-lain). Bandung: Mizan.
- Awang Sudjai Hairul Yusuff Khan (1977). *Kamus Lengkap*. Petaling Jaya: Pustaka Zaman.
- Brookfield, S.D. (1986). *Understanding and Facilitating Adult Learning*. Buckingham: Open University Press.
- Ellinger, A.D. (2004). 'The Concept of Self-Directed Learning and Its Implications for Human Resource Development' dalam *Advances in Developing Human Resources*, 6 (2): 158-177.
- Fazlur Rahman (1982). *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: University of Chicago Press
- Hilmy Bakar Almascaty (2001). *Panduan Jihad untuk Aktivis Gerakan Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Hafiz Firdaus Abdullah (2003). *Apakah jihad di jalan Allah?* Johor Bahru: Jahabersa.
- Henschke, J.A. (2008). 'A Global Perspective on Andragogy: An Update' dalam Prosiding The Commission on International Adult Education (CIAE) Pre-Conference, American Association for Adult and Continuing Education [AAACE] Conference, Boucouvalas, M. (Ed). Vol 1, pp. 43-94 di <http://www.umsl.edu/~henschkej/articles/added-02-10/11.pdf>. [Diakses pada 22 Februari 2013].
- Isenberg, S.K. (2007). *Applying andragogical principles to internet learning*. New York: Cambria Press.
- Jabatan Peguam Negara (2006). *Undang-Undang Malaysia Akta 21 Akta Umur Dewasa 1971 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malasia, Malayan Law Journal Sdn. Bhd dan Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Jarvis, P. (2009). *The Routledge International Handbook of Lifelong Learning*. London: Routledge.
- Knowles, M.S dan Associates (1984). *Andragogy in Action: Applying modern principles of adult education*. San Francisco: Jossey Bass.
- Knowles, M.S. (1995). *Designs for Adult Learning*. Alexandria, VA: American Society for Training and Development, 1995.

- Majid Khadduri (1987). *Al Shafi'i's Risala: Treatise on the Foundations of Islamic Jurisprudence*. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Merriam, S.B. (2007). *Non-Western perspectives on learning and knowing*. Malabar, Fla: Krieger Pub. Co.
- Merriam, S.B., Caffarella, R.S. dan Baumgartner, L.M. (2007). *Learning in Adulthood: A Comprehensive Guide*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam, S. B., Doraisamy, L., Findsen, B., Kamis, M., Kee, Y., Mohamad, M., Ntseane, G., & Thaker, S. N. (2005). 'Challenging the hegemony of western views of learning' dalam *Prosiding The 46th Annual Adult Education Research Conference*, The University of Georgia, Athens, Georgia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). *Dinamika Sistem Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd. Nasir Omar (2005). *Gagasan Islamisasi Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Muhammad Hanif Hassan dan Mohamed Ali (2007). *Questions and Answers on Jihad*. Singapura: MUIS dan Perdaus.
- Phillips, E.M. dan Pugh, D.S. (2005). *How to Get a PhD: A Handbook for Students and Their Supervisors*. Maidenhead: Open University Press.
- Ramli Awang (2006). *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara: Pengaruhnya di Kedah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizam Mustafa, Khairul Najah Abdul Rahim dan Wan Mariana Wan Mohamad (2011). 'Kesepaduan Jihad Ilmu dalam Pendidikan Islam ke Arah Meningkatkan Modal Insan' dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*: 667-677.
- Rosenthal, F. (1992). *Keagungan Ilmu*. Pent. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sardar, Z. dan Davies, M.W. (2004). *The No-nonsense Guide to Islam*. London: Verso.
- Salah Zaimeche (2004). 'The Impact of Islamic Science and Learning on England', Oktober 2004 di <http://www.muslimheritage.com/uploads/islamicscienceandengland.pdf> [Diakses pada 27 Oktober 2010].

- Smith, M. K. (1999), 'Adult Education' di <http://www.infed.org/lifelonglearning/b-adedgn.htm> [Diakses pada 26 Mac 2012].
- Syuhadak Mahmud (2013). 'Biografi Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari dan Sumbangannya dalam Menyuburkan Manhaj Wasatiah di Malaysia' dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa*: 290-294.
- Tariq Suwaidan (2007). *Biografi Imam Syafi'i* (Pent. Iman Firdaus). Jakarta: Zaman.
- Taylor, B. dan Kroth, M. (2009). 'Andragogy's Transition into the future: Meta-analysis of andragogy and its search for measurable instrument' dalam *Journal of Adult Education*, 38 (1): 1-11.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1994). *Konsep Ilmu dalam Islam* (Pent. Rosnani Hashim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kemeterian pendidikan Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu huraian konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.